

06/08/1998

Karnival promosi KL '98

KUALA LUMPUR, Rabu - Karnival Bangsar Sukan Komanwel XVI, salah satu acara kemuncak dalam kempen dan publisiti Kuala Lumpur '98 - Sukan Komanwel XVI (KL98) akan diadakan di Jalan Telawi, Bangsar, pada 15 Ogos ini.

Karnival yang dianjurkan bersama Kementerian Belia dan Sukan; Ahli Parlimen Lembah Pantai; Majlis Perniagaan Bangsar Baru dan Persatuan Penduduk Zon Bangsar itu akan dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Karnival itu adalah sambungan kepada kempen yang diadakan sebelum ini dan bertujuan mempertingkatkan pembabitan masyarakat dalam kejohanan sukan berkenaan, terutama dalam penjualan tiket.

Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata karnival berkenaan adalah berbeza daripada promosi KL '98 yang diadakan sebelum ini, terutama dari segi pelaksanaannya.

Menurutnya, karnival yang diadakan itu akan menggabungkan muzik, seniman jalanan, cahaya dan informasi KL '98, selain aktiviti sedia ada di sana seperti gerai makanan dan restoran.

"Selain menyalurkan maklumat mengenai Sukan Komanwel kepada orang ramai, karnival ini juga diharap dapat memperkenalkan Bangsar sebagai destinasi pelancongan," katanya pada sidang akhbar di kementeriannya, di sini hari ini.

Turut hadir ialah Setiausaha Parlimennya merangkap Ahli Parlimen Lembah Pantai, Datuk Shahrizat Abdul Jalil.

Dalam perkara lain, Muhyiddin juga meminta orang ramai hadir untuk memeriahkan Majlis Penyampaian Jalur Gemilang kepada pasukan Malaysia yang terpilih ke KL '98 oleh Perdana Menteri di Stadium Putra, Bukit Jalil pada Rabu ini, jam 4 petang.

(END)